

— WAWANCARA BERSAMA PERDANA MENTERI

KERAJAAN UTAMAKAN PELABUR ASING KERANA TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Kerajaan mengutamakan pelaburan asing kerana negara ini masih kekurangan dari segi pengetahuan teknologi, kemahiran dan pengetahuan pasaran, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, pelaburan asing diperlukan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor perkilangan.

Dalam proses itu, katanya, kerajaan perlu memberi keutamaan dan keistimewaan kepada pelabur-pelabur asing, jika tidak mereka akan pergi ke negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berharap dengan cemasukan pelaburan asing, rakyat Malaysia dapat menimba pengetahuan untuk arah baru perniagaan masing-masing.

"Pada masa ini, rakyat Malaysia bertumpu kepada bidang-bidang tertentu yang mendatangkan keuntungan tinggi seperti pemajuan kawasan perumahan dan tanah, penanaman kelapa sawit, kewangan dan lain-lain," katanya dalam program RTM *Wawancara Dengan Perdana Menteri* malam ini.

Rakyat Malaysia, katanya, tidak begitu berminat untuk melibatkan diri dalam sektor perkilangan kerana ia merupakan pelaburan jangka panjang.

Tambahan, katanya, mereka tidak mempunyai pengetahuan teknologi atau pasaran.

"Kerana hal-hal inilah kita perlu terus bergantung

kepada penglibatan pelabur-pelabur asing.

"Bagaimanapun, jika kita belajar dan bersedia menanggung risiko, saya fikir kita akan dapat mengurangkan penggantungan kepada pelabur-pelabur asing dalam ekonomi kita," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, bila tiba masa itu, kerajaan bersedia memberi setiap pertimbangan kepada pelabur-pelabur dalam negeri.

Beliau berkata, sehingga ini, kerajaan telah sedikit sebanyak berjaya menarik pelabur-pelabur tempatan melabur dalam bidang seperti perkilangan.

Bagaimanapun, kata beliau, bilangan itu masih belum mencukupi dan ia akan mengambil sedikit masa.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat Malaysia yang mempunyai wang perlu sedar bahawa untuk mengaut keuntungan dalam pelaburan, sektor perkilangan akan mengambil masa.

"Inilah sebabnya mengapa kadang-kala kerajaan sendiri terpaksa melabur dalam sektor perkilangan. Umpamanya, jika kita menyuruh sektor swasta tidak melabur \$800 juta untuk mengeluarkan kereta, saya rasa mereka tidak akan berbuat demikian.

"Ataupun dalam kilang besi keluli atau sebarang industri yang memakan modal yang besar di mana tempoh mendapat balik modal memakan masa lima atau enam tahun. Mereka ini lebih rela membeli saham dan mendapat keuntungan keesokan harinya,"

kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pendirian yang demikian masih dipegang oleh sebilangan rakyat negara ini kerana mereka tidak mempunyai cukup modal atau kemahiran keusahawanan.

Menjawab pertanyaan bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), pelabur-pelabur asing diberi layanan yang lebih istimewa, Perdana Menteri menegaskan, itu adalah hanya satu tanggapan.

Menurut beliau, perbezaan di antara pelabur asing dengan pelabur tempatan ialah untuk pelabur-pelabur tempatan, mereka diperlukan membahagi-bahagikan saham di kalangan penduduk tempatan dan tidak pada satu-satu kaum sahaja.

Mengenai syarat pembahagian saham untuk bumiputera, beliau berkata, ia adalah penting untuk kestabilan politik tanahair.

"Di samping kemahiran untuk membuat wang, kita juga memerlukan persekitaran yang sesuai untuk membuat wang. Jika berlaku ketidakstabilan politik, sejauh mana pun kemahiran itu tidak akan ada pelaburan," katanya.